

# USIM berjaya raih Anugerah Industri Buku - Suntingan Terbaik



MOHAMMAD Najib Abdullah (tengah) bersama para penulis *Diyat Dalam Perundangan Islam* serta kakitangan USIM selepas meraih Anugerah Industri Buku-Suntingan Terbaik sempena Ekspo Buku 1Malaysia di PWTC, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

SEREMBAN 31 Dis. - Bagi mengentengahkan karya-karya ilmiah kepada umum, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah menyertai Ekspo Buku 1Malaysia yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur baru-baru ini.

Lebih membanggakan, penyertaan USIM dalam ekspo berkenaan berjaya meraih kemenangan bagi kategori Anugerah Industri Buku-Suntingan Terbaik menerusi buku berjudul *Diyat Dalam Perundangan Islam*.

Buku tersebut adalah hasil daripada penyelidikan di bawah Skim Geran Kajian Dasar (FRGS) yang diperuntukkan kepada penyelidik yang diketuai oleh Mohammad Najib Abdullah.

Menurut Mohammad Najib, buku berkenaan mengupas bentuk pampasan yang wajib dibayar kepada wali atau waris disebabkan jenayah yang dilakukan oleh penjenayah kepada mangsanya.

"Hukuman diyat adalah hukuman kesalahan-kesalahan yang sehubungan dengan kesalahan qisas

dan sebagai gantirugi di atas kesalahan-kesalahan yang melibatkan kehilangan nyawa atau kecederaan anggota badan.

"Ini merupakan perkara yang masih lagi ada titik kosong di dalam perundangan sedia ada kerana mangsa jenayah pada masa kini tidak mendapat pampasan yang sewajarnya diterima seperti yang digariskan oleh syariat Islam," katanya di sini baru-baru ini.

Turut terlibat dalam pembikinan buku berkenaan Hasnizam Hashim, Nabilah Yusof, Haliza A. Shukor, Norman Zakiyy Chow Jen T' Chiang dan Intan Nadia Ghulam Khan yang merupakan pensyarah di Fakulti Syariah dan Undang-undang USIM.

Menurut Mohammad Najib, kajian itu dibuat bagi mengetahui bagaimana untuk mengaplikasikan atau melaksanakan sistem pampasan Islam dalam rangka perundangan Malaysia.

"Kita berharap dengan adanya buku ini nanti, diyat dapat dilaksanakan dan seterusnya USIM menjadi sumber rujukan dalam pelaksanaan hukum tersebut,"